

SIARAN BERITA

MyCC Melancarkan Dua Buku Mengenai Tipuan Bida: Garis Panduan Menentang Tipuan Bida Dalam Perolehan Awam dan Bantu Kami Kenal Pasti Tipuan Bida

KUCHING, 04^{hb} November 2014 – "Kerjasama semua pihak berkepentingan termasuklah orang awam adalah amat penting untuk memerangi tipuan bida di peringkat kebangsaan," kata Dato' Sri Hasan Malek, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDKKK) di majlis pelancaran Garis Panduan Menentang Tipuan Bida Dalam Perolehan Awam dan Buku Panduan Bantu Kami Kenal Pasti Tipuan Bida versi Bahasa Malaysia anjuran Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) hari ini. "Tipuan bida menyebabkan penyusutan dana awam dan menjatuhkan kredibiliti sektor awam, maka adalah mustahak untuk memupuk langkah pencegahan dalam rekabentuk tender serta mengesan tipuan bida dalam aktiviti-aktiviti perolehan," tambah beliau lagi.

Pelancaran julung kali kedua-dua buku tersebut oleh MyCC adalah di Kuala Lumpur pada bulan Jun tahun ini, diikuti dengan Kota Kinabalu pada bulan September serta satu siri seminar tipuan bida yang telah dijalankan sebagai sebahagian daripada usaha-usaha advokasi berterusan pihak Suruhanjaya di seluruh negeri.

Tipuan bida merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 4(2)(d) Akta Persaingan 2010 yang dikuatkuasakan oleh MyCC dan perusahaan yang didapati bersalah boleh didenda sehingga maksimum 10 peratus daripada perolehan seluruh dunianya. Amalan tipuan bida oleh petender dalam menjalankan prosedur-prosedur perolehan awam merupakan ancaman kepada institusi awam, terutamanya apabila pelaburan-pelaburan kos intensif dan teknologi serta projek yang terlibat. Pendekatan proaktif oleh badan-badan perolehan bagi mengesan dan menghalang tipuan bida boleh mendorong kepada penjimatan, menggalakkan perkhidmatan yang lebih berkualiti serta meningkatkan reputasi pihak berkuasa.

Perolehan awam adalah penting bukan sahaja bagi memenuhi keperluan harian, tetapi juga untuk memenuhi matlamat sosioekonomi dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Laporan ekonomi Malaysia telah menunjukkan bahawa, sejak sepuluh tahun lepas, perbelanjaan awam berjumlah kira-kira 24 hingga 33 peratus dari Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Maka ianya penting untuk mempunyai proses perolehan yang ketat bagi memastikan nilai optimum dalam perolehan dapat dicapai.

Menurut Pengerusi MyCC, Tan Sri Dato' Sri Siti Norma Yaakob, MyCC juga telah meneruskan usaha-usahanya dalam menjalin hubungan strategik dengan badan-badan yang relevan seperti Kementerian Kewangan Malaysia (KKM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), dan Jabatan Audit Negara Malaysia (JANM) untuk memerangi isu tipuan bida di peringkat kebangsaan.

Menurut Pengerusi MyCC, tipuan bida adalah sukar untuk dikesan, dan bagi memerangi tipuan bida kerjasama semua pengawal selia yang berkaitan dan badan-badan perolehan adalah amat penting.

Turut hadir sama pada pelancaran hari ini ialah Pengarah KPDNKK Sarawak, En Stanley Tan. Pelancaran ini telah diikuti dengan seminar mengenai tipuan bida yang telah dihadiri oleh 150 pegawai perolehan dari pelbagai agensi Kerajaan. MyCC juga telah menganjurkan seminar tipuan bida di Kangar, Sibu, Sandakan, Kota Kinabalu, Kuantan dan Melaka sejak pelancaran buku ini di Kuala Lumpur pada bulan Jun yang lalu. Tahun ini, secara keseluruhannya, MyCC telah menjalankan 27 program advokasi diseluruh negara.

Buku "Garis Panduan Menentang Tipuan Bida dalam Perolehan Awam" pada asalnya merupakan penerbitan OECD yang telah diterjemahkan oleh MyCC ke dalam Bahasa Malaysia. MyCC juga telah menerbitkan buku panduannya yang bertajuk "*Help Us Detect Bid Rigging*" dimana versi Bahasa Malaysia iaitu Bantu Kami Kenal Pasti Tipuan Bida, dilancarkan pada majlis hari ini.

Kedua-dua buku panduan ini boleh dimuat turun secara percuma dari laman web MyCC, www.mycc.gov.my. Sebarang pertanyaan mengenai program advokasi boleh dimelaskan kepada spiad@mycc.gov.my.

---tamat---

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Rowena Wong, Tel +603 2273 2277 (ext 111), Email: rowena@mycc.gov.my

Anis Syafiqah, Tel +603 2273 2277 (ext 212), Email: anis@mycc.gov.my

Unit Komunikasi Korporat, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Ditubuhkan pada Jun 2011, MyCC ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunakan kepada semua aktiviti komersil yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjelaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

Untuk maklumat lanjut tentang Akta Persaingan 2010 dan MyCC, sila rujuk laman web www.mycc.gov.my.